

09/09/1998

Gerakan `tidak manis': Mustapha

KUALA LUMPUR, Selasa - Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Mustapa Mohamed menyifatkan tindakan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba mengerakkan reformasi sebagai `tidak manis'.

Beliau yang juga Menteri Kewangan II berkata, Anwar yang pernah bersama dalam kerajaan tidak sepatutnya mempertikaikan kewibawaan kerajaan sekarang dengan membawa gerakan reformasi.

"Tidak manis mempertikaikan apa yang selama ini kita sokong dan dukung," katanya mengulas mengenai Gerakan Reformasi yang digerakkan oleh Anwar.

Anwar sebelum ini menyatakan pendiriannya untuk mengerakkan reformasi dengan menjelajah seluruh negara bagi menjelaskan kedudukannya sekarang, bermula esok.

Bagaimanapun, hasrat itu dibatalkan sendiri oleh Anwar selepas mendapat nasihat beberapa rakannya, terutama bagi menjamin keselamatan beliau.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, penjelasan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini memberi kefahaman baru kepada ahli Umno.

"Di peringkat Umno Kelantan, kita sudah mendapatkan penjelasan daripada Dr Mahathir sendiri di Jabatan Perdana Menteri, Sabtu lalu," katanya.

(END)